

**DOCX.MY**  
**BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT



[www.docx.my](http://www.docx.my)

 **DOCX.MY**  
SENANG DOWNLOAD

# Kerajaan pertimbang perkenal Kad Siswa Rahmah - Salahuddin



Salahuddin berucap pada program sesi Townhall bersama Menteri KPDN 'Mahasiswa dan Perubahan' di Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak, Seri Iskandar hari ini. - Foto BERNAMA

PARIT: Kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan semula kad diskaun kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dalam usaha membantu mengurangkan beban dan menjaga kebajikan golongan berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata perbincangan akan dilakukan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam masa terdekat.

"Ini kerana ia berada di luar bidang kuasa saya tetapi idea itu boleh dipanjangkan sepetimana banyak program Rahmah dilaksanakan untuk siswa seperti menu makanan berharga di bawah RM5.

"Program-program ini diadakan untuk memudahkan mereka mendapatkan makanan di universiti, malah ada 'food bank' untuk mereka yang memerlukan mendapatkan barang tertentu secara percuma," katanya pada sidang media Program Jelajah Rahmah dan Townhall Menteri KPDN Bersama Rakyat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar di sini hari ini.

Sebelum ini, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) direka untuk berfungsi sebagai kad debit, ATM dan diskauan hingga 60 peratus untuk pelbagai produk bagi penuntut IPT.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata kerajaan turut bercadang meneruskan Jualan Rahmah di kesemua 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh

negara secara bergilir-gilir bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

-- BERNAMA